

11 NOV 1997

Mahathir-Petronas

MAHATHIR: M'SIA TIDAK AKAN HALANG PEGAWAI AMERIKA SIASAT PETRONAS

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak akan menghalang pegawai-pegawai Amerika Syarikat untuk menyasiat pembabitkan Petronas dalam projek carigali gas di Iran yang dikendalikan bersama dengan firma-firma dari Perancis dan Rusia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, "kita mahu mengetahui apa soalan yang akan dikemukakan oleh Amerika Syarikat kepada Petronas...dan kita akan memberikan jawapan yang sewajarnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata "jika mereka (Amerika) mahu menyekat kita...kita tidak boleh terima tindakan itu...mereka juga mesti menyekat Rusia dan Perancis."

"...hanya kerana kita lemah, mereka tidak boleh melakukan tindakan seumpama itu (untuk menyekat kita)...tetapi dalam masa yang sama (membenarkan) negara-negara besar meneruskan projek berkenaan," katanya apabila diminta membuat ulasan mengenai ancaman Amerika untuk mengenakan sekatan ke atas negara-negara yang berurusan dengan Iran.

Seorang jurucakap Kedutaan Amerika di sini berkata semalam bahawa seorang pegawai Amerika Syarikat dijangka tiba di sini pada 18 Nov ini untuk menjalankan siasatan ke atas urusan perniagaan Petronas di Iran. Pegawai itu dilaporkan telah pergi ke Paris, Moscow dan Ottawa untuk menjalankan penyiasatan yang serupa membabitkan syarikat dari negara-negara terbabit.

Jurucakap itu berkata pegawai Amerika Syarikat itu akan menyasiat jenis teknologi yang dipindahkan ke Iran berikutan timbul kebimbangan sama ada pemindahan teknologi itu akan membolehkan Teheran mengeluarkan senjata.

Di bawah Akta Sekatan Iran-Libya yang diluluskan oleh Kongres Amerika Syarikat pada tahun lalu, Presiden Amerika Syarikat diperlukan mengenakan sekatan ke atas mana-mana syarikat asing yang melabur lebih daripada US\$20 juta (RM66 juta) ke dalam industri tenaga di Iran dan Libya, negara-negara yang didakwa oleh Amerika Syarikat sebagai penganas antarabangsa.

Sejak Amerika Syarikat melahirkan hasrat itu, menteri-menteri Kabinet serta anggota pembangkang menyuarakan bantahan keras terhadap pendirian Washington dengan menyatakan usaha-usaha untuk menghalang Petronas melabur di negara lain ibarat memperkecilkan kedaulatan Malaysia.

Petronas, bersama-sama dengan Total, syarikat tenaga dari Perancis dan Gazprom dari Rusia telah mengumumkan rancangan untuk membuat pelaburan sebanyak US\$2 bilion (kira-kira RM6.6 bilion) bagi membangunkan industri gas Iran.

Konsortium itu telah mengikat satu perjanjian dengan sebuah syarikat kebangsaan Iran bagi memajukan sebahagian daripada kawasan gas South Pars berhampiran dengan sempadan maritim Iran dengan Qatar.

Ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohamed Hasan Marican dipetik sebagai berkata pada September lalu, Petronas akan meneruskan pembangunan di medan gas itu yang mempunyai simpanan sebanyak 600 juta tong, dan jumlah pelaburan US\$600 juta. -- BERNAMA

AA ZK MA